

PM rasmi sidang agung Persis 26 September

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan mesyuarat agung keempat Persatuan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (PERSIS) di Hotel Federal, di sini 26 September ini, jam 7.15 malam.

Sebelum itu, Perdana Menteri akan diraikan dalam satu majlis makan malam sempena dengan mesyuarat agung tersebut.

Ketua Biro Penerangan PERSIS, Encik Nurdinkayat memberitahu Berita Harian, mesyuarat agung kali ini dijangka hebat kerana beberapa tokoh baru akan bertanding merebut jawatan-jawatan penting persatuan itu.

Beliau berharap ahli-ahli PERSIS yang berminat untuk hadir supaya menghubungi beliau d/a Maktab Perguruan Lembah Pantai, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur, telefon 567276.

Katanya, ahli-ahli juga boleh menghubungi Setiausaha PERSIS d/a Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, telefon 341001 — sambungan 2006/2373.